

P.U. (A) 124.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA  
(Pemerbadanan) 2001

BAHAWASANYA seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah suaimanfaat demi kepentingan negara supaya suatu Kolej Universiti ditubuhkan, dia boleh dengan perintah menubuhkan Kolej Universiti itu mengikut seksyen tersebut:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu Kolej Universiti patut ditubuhkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN menurut kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 20 Akta itu, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Pemerbadanan) 2001**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2000.

**Penubuhan perbadanan**

2. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu yaysan pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Kolej Universiti, sebagai satu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang sains dan teknologi dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.

(2) Yayasan pelajaran tinggi dalam subseksyen (1) hendaklah dikenali dengan nama dan gelaran "Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia".

(3) Tapak Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, tempat terletakinya Kolej Universiti itu, ialah di No. 162-166, Jalan TU2, Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Dibuat 10 April 2001.

[KP (PUU) S 10075/05/21(4); PN(PU<sup>2</sup>)75AA]

Dengan Perintah,

TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD  
Menteri Pendidikan

[Akan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971]

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA  
(INCORPORATION) ORDER 2001

WHEREAS section 20 of the Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30] provides that if the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that it is expedient in the national interest that a University College should be established, he may by order establish the University College in accordance with that section:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that a University College should be established:

AND THEREFORE by virtue of the powers conferred upon him by section 20 of the Act, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Incorporation) Order 2001**.

(2) This Order shall be deemed to have come into operation on 1 December 2000.

**Establishment of corporation**

2. (1) There shall be established a higher educational institution having the status of a University College, which shall be a body corporate, for the purpose of providing, promoting and developing higher education in the fields of science and technology and other necessary fields of study, as well as to provide for research and accumulation and advancement of knowledge in those fields of study.

(2) The higher educational institution in subsection (1) shall be known by the name and style of "Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia".

(3) The site of the Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, which shall be the seat of the University College, shall be located at No. 162-166, Jalan TU2, Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Made 10 April 2001.

[KP (PUU) S 10075/05/21(4); PN(PU<sup>2</sup>)75AA]

By Command,

TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD  
*Minister of Education*

*[To be laid before both Houses of Parliament pursuant to subsection 6(2) of the Universities and University Colleges Act 1971]*